

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang akademik 1992/93

April 1993

PLG 310 - Kaedah Mengajar Biologi I

Masa : [2 jam]

Jawab Soalan No. 1 dari Bahagian A yang diwajibkan. Pilih dan jawab mana-mana DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Pengajaran yang berkesan amat bergantung kepada kemahiran guru menggunakan perlambangan yang sesuai untuk membayangkan konsep-konsep yang abstrak.
 - a) Terangkan maksudnya perlambangan dan kepentingannya dalam pengajaran.
 - b) Dengan memilih satu konsep asas Biologi KBSM Tingkatan Empat, bincangkan bagaimana perlambangan yang kurang sesuai boleh menyebabkan miskonsepsi di kalangan murid-murid terhadap konsep tersebut.

[40 markah]

BAHAGIAN B

2. (a) Terangkan maksud perkataan makanan dalam pernyataan-pernyataan yang berikut:
 - i) Susu ialah makanan yang lengkap bagi bayi.
 - ii) Susu bukan sejenis makanan tetapi ialah sejenis minuman.
 - iii) Roti ialah sejenis makanan.
 - iv) Roti mengandungi makanan.
 - v) Makanan tumbuhan ialah bahan-bahan bukan organik seperti garam galian dan karbon dioksida.
- (b) Di antara pernyataan-pernyataan di atas, pernyataan yang manakah yang mengandungi konsep makanan yang saintifik. Pada pendapat anda, apakah sebab-sebabnya murid-murid memperolehi miskonsepsi terhadap konsep makanan dalam pembelajaran Biologi.

[30 markah]

... 2/-

- 2 -

3. Kurikulum Biologi KBSM lebih memberi tumpuan kepada perhubungan di antara manusia dengan alam sekitarnya, jika dibandingkan dengan Kurikulum Biologi KLSM. Sains Islam juga memberi kepentingan kepada isu-isu persekitaran. Bincangkan dengan lebih mendalam perkaitan di antara konsep-konsep asas Sains Islam dengan tema persekitaran dalam mata pelajaran Biologi KBSM.

[30 markah]

4. Berdasarkan pengalaman anda semasa Latihan Mengajar I baru-baru ini, cadangkan cara-cara dan strategi-strategi untuk meningkatkan keberkesanan kerja amali bagi mencapai matlamat kursus Biologi KBSM. Jawab soalan ini dengan menggunakan tajuk-tajuk Persediaan, Perkembangan Pelajaran, Keselamatan di Makmal dan Kawalan Kelas.

[30 markah]

- oooOooo -